

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: 12 Julai 2021 13:43
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Regional Business Challenge Axiata Young CEO Development Programme Buka Peluang Bantu Komuniti di Kedah




UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

12 JULAI 2021 / 2 ZULHIJAH 1442H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Faridah Awang
Gambar oleh: Fatin Athirah Fadzillah

REGIONAL BUSINESS CHALLENGE AXIATA YOUNG CEO DEVELOPMENT PROGRAMME BUKA PELUANG BANTU KOMUNITI DI KEDAH



UUM ONLINE: Pasukan Lambda dari Axiata Young CEO Development Programme (Kohort 4) telah berjaya merangkul tempat kedua dalam cabaran akhir Regional Business Challenge, sekali gus membawa pulang wang tunai berjumlah RM8,000.

Program Axiata Young CEO Development Kohort 4 itu telah disertai wakil dari Universiti Utara Malaysia iaitu Penyelaras Unit ENACTUS di Institut Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi (CEDI), Fatin Athirah Fadzillah yang juga merupakan staf akademik di Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah (SLCP).

Kumpulan profesional muda Malaysia yang berusia 25 hingga 30 tahun ini telah menjalankan cabaran akhir program kelestarian di komuniti berdekatan menara telekomunikasi edotco di Asun, Kubang Pasu dalam melengkapkan cabaran solarisasi (solarization) dan kelestarian (sustainability) yang diberikan.

Golongan profesional muda dari pelbagai syarikat, agensi dan universiti terpilih seperti Shell Malaysia, HSBC Amanah, Tenaga Nasional, UUM, Kementerian Kewangan Malaysia, QS Enrolment Solutions, Celcom, Boost dan lain-lain ini menzahirkan rasa gembira kerana dapat mengemukakan draf pelan tindakan kelestarian pembangunan kemasyarakatan, sekali gus membentangkan laporan impak projek rintis mereka kepada pihak edotco yang telah bekerjasama dalam cabaran akhir Regional Business Challenge ini.

Program Axiata Young CEO Development adalah program pengembangan kepemimpinan selama dua tahun untuk golongan profesional muda Malaysia dengan tajaan sepenuhnya oleh Axiata Foundation bernilai RM50,000 bagi setiap peserta.

Program ini juga memberi peluang kepada peserta untuk menguasai kemahiran dan pengetahuan kritikal yang diperlukan bagi membentuk perwatakan seorang Ketua Pegawai eksekutif (CEO) pada masa akan datang.

Kumpulan peserta Axiata Young CEO Development Kohort 4 ini telah melengkapkan keseluruhan modul yang diberikan oleh pihak Axiata Foundation.

Majlis graduasi secara dalam talian telah dirasmikan oleh Pengarah Urusan/Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Axiata Group Berhad, Dato' Izzaddin Idris dan turut dihadiri pegawai-pegawai kanan Axiata Foundation serta edotco ASEAN (Malaysia, Filipina dan Bangladesh).

UUM
CORPORATE COMM.

☎ 04-928 3039/3040/3097/3042/3052/3048/3049
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
📍 Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.